**Mengapa kadar tol bercanggah?** MS5



**Tubuh pusat jagaan kanak-kanak** MS21



**Tapak Arkeologi Guar Kepah** MS 24



PERCUMA

# buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

**1 – 15, OGOS 2013**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

*Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri 1434H/2013 buat Muslimin & Muslimat.*

# Pemandu teksi lebih perlu insentif RM300 - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**



**SEBAHAGIAN daripada pemandu teksi di daerah Timur Laut bergambar bersama kepimpinan negeri pada majlis pemberian insentif Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Hampir 3,000 pemandu teksi sekitar Pulau Pinang menerima sumbangan insentif tunai keseluruhan berjumlah RM97,500 atau RM300 seorang daripada Kerajaan Negeri menjelang Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, insentif itu adalah salah satu perkara yang dimaktubkan dalam Manifesto Pakatan Rakyat Pulau Pinang pada musim Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lepas.

Justeru, beliau berharap, pemberian insentif itu dapat menggalakkan para pemandu teksi meningkatkan mutu perkhidmatan kereta sewa masing-masing demi menyemarak lagi industri pelancongan negeri.

"Dalam manifesto tersebut, Kerajaan Negeri berjanji untuk memberi RM600 tiap-tiap tahun kepada semua (pemandu) teksi Pulau Pinang.

"Pemberian RM300 pada hari ini adalah pembayaran insentif permulaan untuk setengah tahun dan baki RM300 lagi akan dibayar kemudian dalam pertengahan tahun berikutnya," ujar beliau di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Kasthuri Patto (Ahli Parlimen Batu Kawan), Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua MPSP) dan Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha MPSP) turut hadir pada Majlis Pemberian Insentif Kepada Pemandu-Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

Sumbangan diserah kepada 325 penerima meliputi kedua-dua daerah itu melalui Presiden Gabungan Pertubuhan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang (GABUNGAN), Abd. Malik Darus.

Gabungan terdiri oleh 12 persatuan dan jumlah keseluruhan ahli berdaftar sebanyak lebih 2,000 orang.

Difahamkan, majlis serupa turut dianjurkan di peringkat daerah Seberang perai Utara (SPU), Timur Laut (DTL) dan Barat Daya (DBD).

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, insentif Kerajaan Negeri sebenarnya berbeza dengan program Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1Ma) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menjelang PRU13.

TRIMa, katanya, seakan lebih menguntungkan kroni tertentu yang dilantik oleh Kerajaan Pusat berbanding pemandu-pemandu teksi sendiri.

Ini kerana, katanya lagi, baucar TR1Ma bernilai RM520 yang diterima oleh pemandu hanya boleh diganti dengan empat tayar di syarikat pengedar tertentu sahaja.

"Dengan sumbangan ikhlas ini, diharap semua pemandu teksi dapat menggunakan dengan berhemah untuk membeli keperluan penting dan persediaan menyambut Hari Raya tidak lama lagi,"

• *sambungan di muka surat 2*

# 15 peratus cukai insentif WPI diskriminasi, tak logik - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Cukai insentif 15 peratus kepada warga asing serta warganegara yang pulang ke Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) sahaja didakwa tidak adil untuk rakyat dari negeri-negeri lain yang selama ini membayar pada kadar 25 peratus.

Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng mendakwa, Kerajaan Pusat nyata melakukan diskiriminasi serta cubaan menipu rakyat di sebalik amalan cukai 'satu sistem dua negera' itu.

"Tidak ada logik, mengapa ia tidak boleh dinikmati di Sabah, Sarawak dan negeri lain.

"Bukankah Sabah, Sarawak serta negeri lain perlukan juga pakar-pakar berpengetahuan (sebagaimana di WPI)," nyata Guan Eng di sini baru-baru ini.

Guan Eng dalam sidang Dewan Rakyat pada 15 Julai lalu antara lain bertanya mengenai status cukai peribadi berkadaran 15 peratus di WPI untuk Program Kepulangan Pakar (REP) sama ada akan diperluas ke seluruh negara atau sebaliknya.

Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan turut diminta menjelaskan bilangan pakar lengkap dengan bidang kepakaran masing-masing yang berjaya dibawa pulang ke tanah air selepas dilaksanakan REP ini.

Najib dalam satu jawapan lisan dipetik berkata, insentif REP itu tidak ditawarkan kepada tenaga mahir tempatan di luar WPI.

Katanya lagi, langkah itu demi menarik minat warga asing serta warganegara berkemahiran tinggi untuk menetap dan bekerja di wilayah komersial berkenaan.

Selain itu, beliau berkata, penetapan kadar cukai insentif 15 peratus tersebut demi bersaing dengan beberapa bandaraya pesaing kadar cukai efektif, seperti negara jiran Singapura (15%) dan Hong Kong (17%).

Difahamkan, permohonan insentif REP yang diluluskan bagi tahun 2011 adalah sebanyak 680 orang.

Seramai 923 permohonan profesional direkodkan lulus pada tahun 2012.

Sejak Januari hingga Mei tahun ini, seramai 419 permohonan profesional diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

Najib berkata, pelaksanaan cukai insentif 15 peratus itu ditawarkan untuk permohonan sehingga Disember 2020 sahaja.

---



ABD. Malik Darus.



HOR Sor Boon.



T. Malakanu




**ANTARA pemandu teksi dan kereta sewa menunjukkan tanda bagus pada majlis penyerahan insentif di sini baru-baru ini.**

●*dari muka surat 1*

ujar Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Dalam perkembangan sama, beliau turut melahirkan komitmen untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bertaraf antarabangsa yang lengkap dengan sistem pengangkutan awam paling efisyen.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri sebelum ini pernah merancang untuk mewujudkan sistem pengangkutan bas awam secara percuma ke seluruh Pulau Pinang, tetapi, hasrat itu terpaksa ditangguhkan ekoran mendapat layanan dingin daripada Kerajaan Pusat.

Bagaimanapun, beliau berkata, peranan yang dimainkan oleh pemandu teksi boleh menampung sedikit banyakkan keperluan mewujudkan sistem pengangkutan awam darat di negeri berkenaan.

Tuntas itu, beliau berkata, pihaknya menaruh harapan yang tinggi agar semua pemandu teksi berwajib boleh menjadi 'duta kecil' bagi Kerajaan Negeri.

"Pemandu teksi merupakan 'duta kecil' Kerajaan Negeri yang mencerminkan budaya dan cara hidup orang Pulau Pinang,

"Berikanlah perkhidmatan terbaik dan layanan mesra kepada semua pelanggan, tidak kira pengunjung tempatan atau pelancong antarabangsa," ujar beliau.

Abdul Malik yang ditemui kemudian mengaku bahawa pemberian insentif secara tunai dan baucar masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangan.

Namun, beliau berkata, sumbangan tunai boleh membantu pemandu teksi membuat persiapan raya.

"Bagi kita yang umat Islam, ini adalah sesuatu yang besar untuk menyambut Aidilfitri.

"Pemberian insentif secara tunai memberi peluang kepada pemandu teksi, sama ada untuk menyelenggara teksi mereka atau membuat persiapan raya mengikut keutamaan masing-masing," ujar beliau di sini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat wajar terus berusaha untuk mennyelami perasaan para pemandu teksi.

"Kalau boleh Kerajaan Negeri banyakkan pelancong ke kawasan pulau kerana pendapatan kita 90 peratus datang daripada pelancong-pelancong ini, lima peratus sahaja (pelanggan) orang tempatan," ujar beliau lagi.

Nada yang sama turut diluah oleh T.Malakanu, 76, yang ditemui kemudian.

"Saya sudah bekerja lebih 50 tahun, kerja memang susah dan sangat mencabar. Dengan insentif ini, baguslah. Terima kasih banyak-banyak untuk Ketua Menteri.

"Pusat memang ada memberi empat tayar. Kalau baik, dapat tayar baik. Kalau tak baik, dapat tayar lama (atau) tiada kualiti. Ini semua nasiblah.

"Kalau bagi duit (seperti insentif RM300 oleh Kerajaan Negeri), lagi senang kerana kadang-kadang duit itu boleh digunakan untuk keperluan lain jika tayar teksi kita baru tukar. Takkan nak tukar tayar baru dengan tayar baru lain, rugi.

"Macam saya, dapat tayar yang sudah dipakai sebab saya tiada pilihan untuk tebus baucar (TR1Ma)...bunga tayar belum habis, tetapi, tayar sudah rosak ertinya itu tayar lama yang tidak berkualiti lagi.

Khor Sok Boon, 76, mengaku bahawa kemampuan orang ramai memiliki kenderaan peribadi sedikit sebanyak menjejas mata pencarian beliau di Nibong Tebal berbanding era 1960-an dulu.

Bagaimanapun, beliau berkata, beliau sangat berterima kasih atas sumbangan insentif RM300 daripada Kerajaan Negeri.

"Macam saya di Nibong Tebal, tidak banyak pelancong menaiki teksi saya kerana George Town lebih menjadi tumpuan pelancongan.

"Jadi, kerja dari pagi hingga petang pun susah mahu cari makan. Mujur anak semua sudah besar dan tanggungan menjadi ringan.

"Bagi tayar pun, kita terima. Bagi duit (insentif RM300) pun, kita terima kerana kerja kita susah di sini.

"RM300 boleh guna untuk keperluan rumah, satu hari tak boleh habis insentif ini kerana jimat cermat," ujar beliau.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan Kerajaan Negeri terbukti mengotakan janji Manifesto Pakatan Rakyat Pulau Pinang PRU13 demi kepentingan rakyat terbanyak di negeri berkenaan.

# KM umum bonus minimum RM600




(Dari kiri), KETUA Menteri menyerahkan replika cek kepada Farizan Darus sambil disaksikan oleh barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Penjawat awam Kerajaan Negeri menerima bonus setengah bulan gaji dengan jumlah minimum RM600 sempena sambutan Aidilfitri di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, seramai 3,841 penjawat awam negeri menerima bonus raya yang keseluruhannya berjumlah RM3.73 juta (RM3,734,908.81).

"Biasanya Kerajaan Negeri akan ikut (pemberian bonus RM500 sebagaimana diumumkan) Pusat.

"Tetapi, kita (Kerajaan Negeri) mampu, maka, kita memberikan bonus yang lebih bagi menunjukkan penghargaan atas prestasi penjawat awam yang begitu baik di negeri ini," ujar beliau di sini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus turut berucap pada Majlis Perhimpunan Anggota Penjawat Awam Negeri Pulau Pinang yang disertai lebih 2,000 penjawat awam.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Law Choo Kiang, Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I) dan Prof.Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), serta barisan Exco turut serta dalam perhimpunan tersebut.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut mengumumkan pemberian bonus RM300 kepada guru Kelas Agama Fardhu 'Ain (KAFA), manakala, RM200 untuk guru Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Pulau Pinang.

Katanya, guru sekolah menengah pensendirian Cina pun turut diberi bonus RM200.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan wibawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menghargai peranan penjawat awam di negeri berkenaan.

# Exco saran pinjaman perumahan melalui SJKP

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



JAGDEEP SINGH DEO.

**GEORGE TOWN** - Pemohon yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan daripada bank-bank komersial disebabkan ketiadaan penyata gaji atau bekerja sendiri disarankan untuk mendapatkan jaminan pinjaman melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP).

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh berkata, masih ramai yang tidak tahu mengenai skim tersebut sehingga mengakibatkan mereka gagal mendapatkan pinjaman bank sungguhpun layak.

"Skim ini terbuka kepada pembelian rumah pertama untuk didiami meliputi pangsapuri kos rendah, sederhana rendah, subsale ataupun lelongan.

"Saya percaya bahawa ini merupakan satu usaha Kerajaan Pusat terhadap '*reconciliation*' (pendamaian) sepertimana diumumkan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) sendiri," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, Pulau Pinang merupakan negeri yang menerima pinjaman kedua terbesar melalui skip SJKP sejak Januari 2008 hingga kini, iaitu berjumlah RM21.7 juta untuk 467 permohonan.

Menerusi skim SJKP, beliau berkata, pemohon layak mendapat jaminan pinjaman perumahan 100 peratus atau sehingga RM100,000 dengan syarat memenuhi kriteria yang digariskan oleh Kementerian Kewangan.

Beliau berkata, kriteria yang dimaksudkan antaranya, warganegara Malaysia, berusia 18 tahun ke atas dan bekerja sendiri atau berpendapatan tetap purata minimum RM1,000 sebulan.

Tambah beliau, pemohon turut perlu mendapatkan surat pengesahan pihak ketiga mengenai sumber kewangan dan jumlah pendapatan mereka untuk diproses oleh SJKP.

Selain itu, katanya lagi, pemohon mestilah bermastautin dalam lingkungan cawangan bank tempat permohonan dibuat.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep berkata, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru memberikan reaksi positif mengenai status kesemua permohonan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) oleh warga Pulau Pinang bersama-sama Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!) yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri.

**Berikut adalah bank-bank yang menyertai skim SJKP:**

1. Bank Simpanan Nasional (BSN)
2. Bank Islam (M) Bhd.
3. Affin Bank Bhd.
4. Affin Islamic Bank
5. Malayan Banking Bhd.
6. Maybank Islamic Bank
7. AmBank Bhd.
8. AmIslamic Bank Bhd.
9. Alliance Bank Bhd.
10. Alliance Islamic Bank Bhd.
11. Hong Leong Bank Bhd.
12. Hong Leong Islamic Bank Bhd.
13. Bank Kerjasama Rakyat

# YB bukan 'pertahanan terakhir' lulus binaan haram - Soon Hin



CONTOH penambahan struktur tanpa kebenaran dan menutup longkang di sebuah kondominium di Relau baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PAYA TERUBONG** - Jangan jadikan ahli politik bergelar Yang Berhormat (YB) sebagai 'pertahanan terakhir' untuk menghalalkan struktur binaan haram.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin berkata demikian ketika melawat satu kondominium dekat Relau di sini yang dikesan membuat penambahan struktur binaan secara haram.

Menurut beliau, beberapa unit rumah di sini dikesan melakukan kesalahan penambahan struktur binaan hingga menutup longkang asal.

"Ini (penambahan struktur binaan haram) memang satu kesalahan serius yang akan mengakibatkan kesulitan ketika kerja pembersihan dilakukan, lantas akan mengakibatkan air bertakung, denggi dan sebagainya.

"Selalunya pemilik premis dengan sesuka hati akan melakukan penambahan struktur tanpa merujuk kepada pemaju, mahupun pihak berkuasa tempatan (PBT), iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

"Maka, apabila pemeriksaan dilakukan dan ternyata penambahan itu salah, mereka akan menghubungi YB untuk mempertahankan tindakan mereka," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, Ahli Parlimen serta ADUN juga sebenarnya terikat pada undang-undang seperti Seksyen 72 Akta Jalan dan Bangunan 1974 MPPP memperuntukan, mana-mana individu yang sudah didapati menyalahi akta ini dengan membina penambahan haram, mereka boleh didenda tidak lebih RM250 sehari, bagi setiap hari dari tempoh diberikan notis jika tidak mengambil tindakan meroboh.

Justeru, katanya, MPPP berhak untuk meroboh mana-mana binaan yang dikenal pasti 'haram' selepas notis berwajib dikeluarkan.

# Mengapa projek Tuna Batu Maung rugi - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) didesak mendedahkan punca kerugian sebenar projek Malaysia International Tuna Port Sdn. Bhd. (MITP) membabitkan Blindforce Sdn. Bhd. (*Blindforce*) di Batu Maung, Bayan Baru yang dikatakan bernilai RM543.38 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa hairan kerana Kerajaan Pusat didedah menanggung kerugian ekoran mengeluarkan surat sokongan kelulusan membiayai projek mega itu.

"Macam mana kerajaan persekutuan tidak kerugian apabila projek dibiayai MITP melalui pinjaman RM240 juta dalam bentuk bon dari OSK Investment Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad.

"Bon RM240 juta mendapat surat sokongan kerajaan persekutuan," kata Ahli Parlimen Bagan itu baru-bru ini.

Guan Eng berkata, OSK Investment Bhd yang mengeluarkan bon itu pula menuntut RM208.62 juta, termasuk bayaran faedah menjadikan keseluruhan hutang yang terpaksa ditanggung kerajaan berjumlah RM83.45 juta.

Beliau juga turut mempersoal status perjanjian projek itu yang dikaitkan dengan Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa masih menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, namun, gagal dijawab.

Konsesi bagi membangunkan kompleks perikanan tuna secara penswastaan di Batu Maung, Pulau Pinang ini diluluskan kerajaan pada 22 September 2004.



GAMBAR hiasan.

Perjanjian konsesi penswastaan secara Bina-Operasi-Pindah selama 32 tahun termasuk tempoh pembinaan selama dua tahun ditandatangani antara LKIM dan MITP.

Projek mega itu melibatkan pegangan ekuiti sebanyak 60 peratus dan LKIM bagi pihak kerajaan sebanyak 40 peratus.

Pendedahan ini dilakukan semasa kontroversi skandal lembu NFC bernilai lebih RM250 juta membabitkan keluarga seorang menteri masih belum menemukan jawapan.

## BORANG KEPUASAN PELANGGAN BAGI PERKHIDMATAN FERI PULAU PINANG

(Sila tandakan [√] pada kotak yang berkaitan)

**Bahagian A: Demografi**

**Bahagian B: Kebersihan**

**Bahagian C: Kemudahan**

**Bahagian D: Keselamatan**

**Bahagian E: Perkhidmatan**

**Bahagian F: Cadangan Penambahbaikan/Komen**

-TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA TUAN/PUAN-

# Naik taraf sistem saliran Taman Siakap hujung tahun - Exco



AFIF Bahardin (kiri) bersama Lim Hock Seng meninjau sistem perparitan di sekitar Taman Siakap dekat Seberang Jaya baru-baru ini.

Oleh :**ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** - Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan menaik taraf sistem saliran di kawasan bencana banjir kilat sekitar Taman Siakap di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata, projek pemajuan itu dijangka bermula pada tahun ini juga memandangkan proses tender terbuka dilakukan dalam tempoh tiga bulan dari sekarang.

"Kita harap projek (naik taraf) ini boleh mula dijalankan dalam tahun ini juga," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng turut serta dalam lawatan kerja tersebut.

Beliau yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan berkata berkata, Taman Siakap, khususnya di Lorong Siakap 11 direkodkan sebagai kawasan tumpuan banjir kilat sejak lebih sedekad lepas.

Justeru, beliau berkata, pihaknya berharap inisiatif ini memberi kesenangan kepada lebih 5,000 penduduk setempat, termasuk lebih 60 unit rumah di sini.

## Mengapa kadar tol jambatan kedua bercanggah? - MP Bayan Baru

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**



SIM Tze Tzin.

**BAYAN BARU** - Kementerian Kerja Raya didesak mengumumkan kadar tol sebenar bagi Jambatan Kedua Pulau Pinang yang didakwa bercanggah dengan beberapa kenyataan berwajib sebelum ini.

Ahli Parlimen (MP) Bayan Baru, Sim Tze Tzin menyoal demikian kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof semasa sidang Dewan Rakyat di Parlimen baru-baru ini.

"Saya bertanya, adakah kadar tol sudah diputus. Jika ya, berapakah kadarnya," jelas Tze Tzin di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini pernah mengumumkan tol bagi kereta biasa pada kadar RM9.40.

Kemudian, katanya, ada pihak menyatakan kadar tol adalah RM8.50 pula.

Pada bulan Mac tahun lepas, katanya lagi, dilaporkan, tol berkadaran RM7.00 dengan tempoh konsesi dilanjutkan dari tahun 2018 hingga tahun 2038.

"Saya khuatir kadar sebenar kelak jauh lebih tinggi dari apa yang dinyatakan sebelum ini kerana ia benar-benar mengelirukan.

"Kenyataan kerajaan pusat sebelum ini bahawa kadar tol kedua-dua jambatan akan disamakan juga menimbul kekeliruan," katanya.

Beliau berkata, pengguna Jambatan Kedua Pulau Pinang itu wajar diberitahu kadar sebenar tol. Tidak cukup dengan itu, beliau berkata, penggiat industri di kawasan Zon Perindustrian Bayan Lepas juga perlu diberitahu lebih awal mengenai kadar tol sebenar di jambatan baru tersebut bagi memudahkan pelan belanjawan logistik kilang masing-masing.

"Saya bimbang apabila diumumkan kelak, kadarnya membebankan rakyat.

"Adakah kadar tol Jambatan Pulau Pinang akan dinaikkan dan sama dengan kadar tol Jambatan Kedua Pulau Pinang?," soalnya lagi.

Projek pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang yang menelan kos RM4.5 bilion itu dijangka siap sepenuhnya menjelang November tahun ini.

Namun, kerja-kerja pembinaan dihentikan serta-merta sehingga kini, ekoran runtuhan struktur tanjakan pada 6 Jun lalu.

## Pejabat KN fokus selesai isu warganegara

Oleh: **ANNAS ZAINAL ABIDIN**



PROF. P. Ramasamy.

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri giat mengumpulkan maklumat mengenai rakyat Pulau Pinang yang tidak mempunyai Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan atau sekadar mempunyai taraf pemastautian tetap di negeri berkenaan.

Demi menyelesaikan masalah malar segar itu, lima Pegawai Pembantu Kewarganegaraan dilantik bagi membantu kumpulan sasaran supaya mampu mengemukakan permohonan warganegara lengkap sebagaimana digaris oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Mereka, Chiam Heng Aik, Abdul Rahim Mohamed Nor, Ketanasamy @ Krishnsamy, A. Subramaniam dan R. Gunalan.

"Kerajaan Negeri sememangnya mengambil inisiatif pelantikan pegawai-pegawai kewarganegaraan walaupun pemohonan dapat dimukakan sendiri ke Jabatan Pendaftaran Negera Pulau Pinang.

"Ini disebabkan kebanyakan penduduk tanpa kerakyatan hanya mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan tidak begitu fasih dalam Bahasa Malaysia, proses permohonan kerakyatan melibatkan prosedur-prosedur yang rumit dan permohanan-permohanan yang dikemukakan mengambil masa yang lama untuk diproses," ujar Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P.Ramasamy di sini baru-baru ini.

Difahamkan, data terkini yang direkodkan menunjukkan sebanyak 92 masalah yang dikenal pasti mengenai kelewatan daftar bagi mendapatkan sijil beranak dan kad pengenalan.

151 permohonan lain berkaitan taraf kewarganegaraan bagi penduduk Malaysia dengan status Pemastautin Tetap, manakala, baki 22 kes berkaitan imigresen.

# TKM1 lawat mangsa rumah terbakar

Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**PANTAI JEREJAK -** Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini mengadakan lawatan kecemasan ke Kampung Bukit Kechil dekat Sungai Nibong di sini yang menyaksikan sebuah rumah pusaka hangus terbakar.

Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak berkata, mangsa, Hashim Mohd. Arif, 54, memberitahu, insiden itu berlaku sekitar jam 5.45 pagi hari kejadian.

Menurut Mohd. Rashid, mangsa mengaku bahawa beliau menyedari percikan api berlaku di ruang tamu luar rumahnya serta tidak menolak kemungkinan bahawa kebakaran tersebut mungkin berpunca oleh litar pintas.

"Apa yang lebih menyedihkan, mereka sekeluarga kehilangan rumah pusaka isterinya yang berusia 200 tahun dan didiami sejak lebih 50 tahun lalu," ujar Mohd. Rashid di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Hashim dilaporkan mengaku bahawa RM15,000 wang simpanan tunai hangus dijilat api.

Itu, katanya lagi, tidak termasuk kelengkapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bernilai sekitar RM4,000 serta dokumen-dokumen penting berwajib yang lain.

Mohd. Rashid berkata, pihaknya menyampaikan bantuan segera dalam masa 24 jam.

Beliau berkata, Majlis Keselamatan Negeri akan menyampaikan sumbangan dari Tabung T.Y.T sejurus proses taksiran kerugian kebakaran selesai.



MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kiri) menerima maklum balas lanjut daripada keluarga mangsa kebakaran di sini baru-baru ini.

## Exco Agama lawat Rumah St. Nicholas



ABDUL Malik Abul Kassim menerima balasan buah tangan daripada adik Siti Rohaya dalam satu majlis di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim baru-baru ini meraikan warga Rumah St. Nicholas dekat Jalan Bagan Jermal di sini sempena menyambut bulan Ramadhan, seterusnya Hari Raya Aidilfitri.

Mereka, 79 warga cacat penglihatan serta 63 staf pelbagai kaum masing-masing menerima sumbangan duit raya berjumlah RM30 dan RM20 tiap-tiap orang.

Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung berkata, majlis amal seumpama itu antara program-program rasmi dalam kalendar Kerajaan Negeri pada sepanjang bulan Ramadhan kali ini.

"Pada tahun ini, kita (Kerajaan Negeri) bantu mengemaskini surau dalam St. Nicholas ini dan menyumbang Al-Quran untuk kegunaan staf dan penghuni beragama Islam," ujar beliau dalam satu majlis ringkas baru-baru ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan atas keterbukaan pentadbir St. Nicholas kerana membenarkan pendakwah dari JAIPP menyampaikan tazkirah dan kuliah-kuliah di rumah istimewa tersebut.

Wakil penghuni Rumah St. Nicholas, Yusoff Abd. Rahman yang ditemui kemudian merakamkan penghargaan atas inisiatif Exco menyerahkan sumbangan hari raya serta menyediakan juadah bersahur dan berbuka puasa.

"Semoga Allah akan memberkati kerja-kerja baik yang dilakukan pihak Yang Berhormat (Abdul Malik)," ujar beliau.

Lawatan tahunan serta penganjuran majlis amal di Rumah St. Nicholas itu dianjurkan saban bulan Ramadhan sejak tiga tahun lepas.

## Exco Agama rai 100 kanak-kanak Hospital P.Pinang



ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) meramahi salah seorang kanak-kanak di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim mengadakan lawatan mesra ke wad kanak-kanak Hospital Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Dalam satu keraian ringkas, beliau menyerahkan sumbangan duit raya kepada 100 kanak-kanak terpilih.

Sumbangan itu, katanya, sebagai menghibur mereka yang kurang bernasib baik, hatta tidak dapat menyambut Hari Raya Puasa di rumah masing-masing seperti kanak-kanak lain.

"Program lawatan ini mendapat maklum balas yang positif daripada pihak Hospital Besar Pulau Pinang serta para ibubapa kanak-kanak di wad berkenaan," ujar Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Program mesra itu diadakan saban tahun sejak 2010.

# TYT, Abdul Malik agih 60 sumbangan Ramadhan

Oleh: **ANNAS ZAINAL ABIDIN**

**BATU MAUNG -** Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T), Tun Abdul Rahman Abbas baru-baru ini menyertai Jamuan Berbuka Puasa bersama-sama lebih 200 warga Batu Maung di sini.

Mewakili tuan rumah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Kassim mengagih sumbangan kepada 60 fakir dan miskin sempena menyambut bulan Ramadhan dan persiapan Hari Raya Aidilfitri.

Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, tujuan pensyariatan (*maqasid asy-syariah*) zakat antaranya adalah bagi mensucikan jiwa serta menyambung persaudaraann antara golongan yang berkemampuan dan sebaliknya.

Justeru, katanya lagi, kewajipan membayar zakat fitrah melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) sekaligus membantu meringankan hidup golongan asnaf terpilih.

"Bantuan ini kita berikan setiap tahun bertujuan meringankan beban golongan miskin dan kurang berkemampuan, selain, menambah kegembiraan mereka menyambut (ibadah) Ramadhan," ujar beliau.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon dan Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) turut hadir pada program amal tersebut.



ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) menyerahkan sumbangan ehsan kepada seorang ibu sambil diperhati oleh Sim Tze Tzin (tiga dari kiri) dan Mohd. Rashid Hasnon (tiga dari kanan) dalam majlis amal di sini baru-baru ini.



TUN Abdul Rahman Abbas (lima dari kiri) bersama-sama kepemimpinan Kerajaan Negeri pada majlis jamuan berbuka puasa di sini baru-baru ini.




WONG Hon Wai (berbaju batik biru) bersama Mohd. Rashid Hasnon (baju melayu hijau) bergambar kenangan bersama-sama para pelajar Maahad Tahfiz dari Jelutong di sini baru-baru ini.

# Lif baru Kg.Melayu 'dividen Ubah' – KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM -** Satu lif baru siap dipasang di Flat Kampung Melayu di sini baru-baru ini, manakala, dua lagi lif baru akan dipasang selepas musim Hari Raya Aidilfitri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, semua kemudahan asas itu boleh dinikmati disebabkan keberanian warga setempat meneruskan momentum perubahan dengan mengekalkan sokongan kepada kepemimpinan Kerajaan Negeri yang sedia ada semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13), 5 Mei lepas.

"Selama lima tahun ini (sejak tahun 2008), pelbagai perubahan dapat kita lihat di Flat Kampung Melayu terutamanya.

"Flat kini juga sudah berwajah baru (cat baru). Fasiliti dan kemudahan turut dipertingkatkan," ujar beliau di depan lebih 50 pelajar tahfiz al-Quran.

Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Mohd. Rashid Hasnon dan Wong Hon Wai (ADUN Air Itam) turut hadir pada majlis jamuan berbuka puasa dan penyampaian sumbangan Aidilfitri itu.

Sebelum itu, Hon Wai melahirkan penghargaan kerana majoriti rakyat masih memberi sokongan kepada beliau pada PRU13 lepas.

"Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pengundi saya sekitar Air Itam.

"Ini juga satu pencapaian cemerlang apabila majoriti saya juga agak meningkat," ujar beliau lagi.

Dalam perkembangan lain, sebanyak 200 hamper sumbangan fakir dan miskin diagihkan kepada penerima-penerima terpilih.

Itu, tidak termasuk 20 bertuah menerima sumbangan Khairat Kematian selepas kematian waris keluarga.

Pertubuhan *Kota Riders Superbikers* yang menyertai majlis amal tersebut turut menyumbang berat sert duit raya kepada pelajar-peljar tahfiz berkenaan.

# Tambah RM100 lagi zakat fakir, miskin

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**PERMATANG PAUH -** Zakat Pulau Pinang (ZPP) menambah RM100 lagi saguhati untuk asnaf fakir dan miskin menjadi kadar yang diterima masing-masing berjumlah RM450 dan RM400.




MOHD. Salleh Man menyerahkan replika cek RM3.7 juta zakat Bantuan Hari Raya kepada 9,096 Asnaf Fakir dan Miskin dalam satu majlis di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man berkata, peningkatan kadar saguhati sempena Hari Raya Aidilfitri itu diputuskan berdasarkan peningkatan jumlah kutipan Zakat Fitrah bagi tahun lepas.

"Kenaikan ini melibatkan pertambahan jumlah agihan kepada RM3,668,350 berbanding tahun lalu RM2,761,450," ujar beliau pada Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya Kepada Fakir Miskin di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Samat turut hadir pada majlis yang diadakan di Masjid Jamek Permatang Janggus di sini.

Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir berkata, seramai 9,069 orang pelbagai asnaf menerima zakat fitrah menjelang hari lebaran kali ini.

Dari jumlah itu, beliau berkata, seramai 815 asnaf fakir atau golongan yang berpendapatan kurang daripada keperluan asas, manakala, baki 8,254 asnaf miskin atau golongan yang berpendapatan cukup untuk menampung keperluan asas.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM366,750 diagihkan kepada 815 asnaf fakir dan RM3,301,600 diagih kepada 8,254 asnaf miskin," ujar beliau lagi.

ZPP menyasarkan jumlah kutipan zakat fitrah bagi tahun ini sebanyak RM4,314,100 dengan sasaran pembayar 616,300 orang, berbanding jumlah kutipan tahun lepas yang berjumlah RM4,205,131 dengan jumlah pembayar 600,733 orang.

# KN rai 41 pelajar cemerlang SPM 2012

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - 41 pelajar daripada lebih 1,000 pelajar cemerlang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) negeri Pulau Pinang bagi tahun 2012 menerima Anugerah Khas Pencapaian Cemerlang berupa sumbangan pendidikan RM300, sijil penghargaan berserta trofi daripada Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I) dan Prof. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) sendiri meraikan kecemerlangan kira-kira 500 pelajar yang hadir pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang (SPM) Tahun 2012 di Dewan Tunku, Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Yusoff Wazir dan Pauzi Omar (Ketua Sektor Pengurusan Sekolah Peperiksaan yang mewakili Pengarah Jabatan Pelajaran Pulau Pinang).

Rata-rata penerima yang ditemui melahirkan rasa syukur dan penghargaan atas inisiatif Kerajaan Negeri itu.

Farhana Afaq Ahmed, 18, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kepala Batas yang mendapat keputusan 9A+ melahirkan rasa syukur dan berpuas hati dengan pencapaiannya itu.

"Kini, saya dalam sesi persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke United Kingdom dalam bidang bioteknologi," ujarnya bekas pelajar aliran sains tulen berkenaan di sini.



FARHANAH Afaq Ahmed.



SITI Alia Izzani Ismail (dua dari kiri) bersama ahli keluarganya pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM 2012 Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Nada yang sama turut diluahkan oleh Siti Alia Izzani Ismail, 18, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bertam Indah dekat Kepala Batas yang memperoleh keputusan 8A+ dan 1A.

"Saya amat beryukur," ujar beliau yang kini bergelar penuntut bidang perubatan Kolej MARA dekat Banting, Selangor.

Berkongsi kegembiraan, tiga sahabat 'istimewa', Rodrick Kelvin Gondipen, 18, Lim Soon Siong, 18, dan Keong Tze Zern, 18 dari Sekolah Pendidikan Khas Tanjung Bungah turut merakamkan penghargaan kerana kecemerlangan mereka dalam peperiksaan SPM tahun lalu diraikan.

Tahun lalu, seramai 472,541 calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM dengan pertambahan 0.8 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Daripada jumlah tersebut, seramai 15,793 calon berjaya memperoleh keputusan gred A dalam semua mata pelajaran.

Pulau Pinang menduduki tangga kedua berdasarkan perolehan pangkat semua A+ dalam seluruh mata pelajaran dan tempat keempat bagi kombinasi A (iaitu A+, A, A-) untuk semua mata pelajaran.


**PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

**No. Sebutharga : Bil. CMI / 1 / 2013**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan / perkhidmatan / kerja di bawah kod bidang 221510 : Tempat Letak Kereta yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebutharga berikut:

**Penyewaan Tanah Hak Milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang Bagi PT 222, PT 223 dan PT 224, Bersempadan Lot 662-689, Lebuh Sungai Pinang 5, Seksyen 8, Bandar George Town, Daerah Timur Laut Untuk Tujuan Tempat Meletak Kenderaan**

Tarikh Dibuka : **1 Ogos 2013 (Khamis)**
Tarikh Tutup : **30 Ogos 2013 (Jumaat)**

2. Syarikat yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : **16 Ogos 2013 (Jumaat)**
Masa : **9.30 pagi**
Tempat : **PT 222, PT 223 dan PT 224, Bersempadan Lot 662-689, Lebuh Sungai Pinang 5, Seksyen 8, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang** (Berhadapan Restoran Strawberry Forever)

3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan ePerolehan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan boleh mendapatkan borang sebutharga melalui laman web ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di *http://ep.penang.gov.my/* dan borang hanya boleh di muat turun dari sistem e-Perolehan setelah menghadiri sesi **taklimat dan lawatan tapak.**

4. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profil syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dan Sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan tajuk sebutharga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebutharga tersebut mestilah sampai pada atau sebelum jam **12.00** tengahari pada **30 Ogos 2013 (Jumaat)** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga **Bil. CMI / 1 / 2013 di Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang, Paras 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.** Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran sebutharga di atas adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga terbabit. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. CMI berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

**Pengurus Besar**
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)


## Exco minta Pusat bekal pelajar OKU *Braille*

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN** - Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng meminta Kerajaan Pusat membekalkan mesin *Braille* kepada setiap pelajar cacat penglihatan di Pulau Pinang.



CHONG Eng.

Beliau berkata demikian sebagai respons pada inisiatif waris pelajar-pelajar istimewa berkenaan mengadu bahawa anak-anak mereka langsung tidak lagi dibekal mesin taip secara individu selepas waktu sekolah seperti dahulu.

"Sebelum ini, kerajaan telah menyediakan mesin *Braille* kepada murid-murid cacat penglihatan semasa waktu persekolahan dan membekalkan mesin berkenaan secara individu selepas waktu sekolah, tetapi, sekarang tidak lagi.

"Kini, pelajar tidak akan diberi kemudahan tersebut selepas waktu persekolahan,"

"Kerajaan persekutuan tidak boleh mengabaikan hak murid-murid cacat penglihatan untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Dari maklum balas yang diterima oleh waris pelajar Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma dekat Bukit Mertajam, Chong Eng berkata, kesulitan itu mengakibatkan orang kurang upaya (OKU) berkenaan tidak mampu menyiapkan kerja-kerja sekolah di rumah.

Malah, beliau berkata, waris pelajar OKU turut mengaku bahawa mereka pernah memanjangkan masalah anak-anak mereka kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Namun, katanya lagi, maklum balas yang diterima daripada kedua-dua kementerian Pusat itu tidak memuaskan.

Justeru, beliau memohon kepada pihak kerajaan persekutuan untuk mengurangkan beban murid-murid pendidikan khas berwajib dengan membekalkan semula mesin *Braille* secara individu selepas waktu sekolah.

# Perkuasakan Briged Wanita Batu Maung – ADUN

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU MAUNG -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, pihaknya mahu memperkuasa fungsi wanita melalui Briged Wanita Pulau Pinang yang ditubuh oleh Kerajaan Negeri.

Beliau berkata, pihaknya berharap pergerakan Briged Wanita mampu turut membantu pemeriksaan mamogram percuma kepada golongan hawa di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan.

"Dalam masa terdekat ini juga, DUN Batu Maung, akan segera menubuhkan Briged Wanita bagi membantu golongan hawa," ujar beliau di Pusat Khidmat Kampung Naran di sini baru-baru ini.

Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna turut menyerahkan sumbangan emas kepada 100 penerima di sini baru-baru ini.

Mereka yang menerima sumbangan terdiri oleh 20 anak emas baru lahir, 48 warga emas dan 12 waris warga emas meninggal dunia.

Dalam perkembangan lain, Abdul Malik berkata, Pusat Dialisis CAT baru dibuka di kawasan Parlimen Balik Pulau dengan menawarkan perkhidmatan dialisis serendah RM30 per sesi rawatan.



WARGA Batu Maung menunggu giliran menerima sumbangan emas Kerajaan Negeri daripada Abdul Malik Abul Kassim dalam satu program baru-baru ini.

# Lima PGNK 4.0 STPM tercicir masuk IPTA - Ramasamy



P. Ramasamy (duduk, kiri) pada satu sidang media membangkitkan isu keciciran lima pelajar bukan Bumiputera di sini baru-baru ini.

Oleh: **ANNAS ZAINUL ABIDIN**

**GEORGE TOWN -** Lima pelajar bukan Bumiputera yang mendapat keputusan Poin Gred Nilai Kumulatif (PGNK) 4.0 dalam Sijil Tinggi Pelajar Malaysia (STPM) dikesan tercicir dari senarai masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Justeru, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P.Ramasamy mendesak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) supaya memberi penjelasan mengenai nasib tiga pelajar Cina dan dua India malang berkenaan.

"Pada sesi kemasukan pelajar ke IPTA sesi 2013/2014, terdapat pelajar yang mendapat PGNK 4.0 dalam STPM, iaitu pelajar India dan pelajar cina yang masing-masing tidak layak mendapat kursus yang mereka mohon iaitu Doktor Perubatan, dan Sains Seni Bina", ujarnya di sini baru-baru ini.

Ramasamy yang juga merupakan Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan sewajarnya respon isu yang dibangkitkannya itu.

Ekoran itu, beliau mencadangkan supaya kemasukan ke Kolej Matrikulasi dibuka kepada pelajar bukan Bumiputera memandangkan mereka juga berhak untuk menikmati kemudahan pendidikan yang sama dengan Bumiputera.

# Guan Eng persoal Menteri KDN, dakwaan atas Perkasa

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEROGE TOWN -** Tiada pendakwaan ke atas beberapa tindakan ganas ahli Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) ke atas pemberita dan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri sejak dua tahun lepas mengakibatkan wibawa Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi terus dipersoal.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan mendakwa, itu semua seakan menyerlahkan pihak Pendakwa Raya dan Kerajaan Pusat bersikap terpilih serta double-standard dalam menyelesaikan kesemua aduan tersebut.

"Apabila dalam kes tertentu terhadap pemimpin pembangkang (Pakatan Rakyat), pendakwaan boleh dibuat dalam masa dua bulan.

"Tetapi, dalam kes kesalahan di mana keganasan dan kekerasan digunakan oleh penyokong BN (Barisan Nasional), ia bukan sahaja dilambat-lambatkan, malah, mungkin akan ditutup begitu sahaja dengan *No Further Action (NFA)*," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Kenyataan Guan Eng itu sebagai reaksi pada jawapan lisan Ahmad Zahid di Parlimen baru-baru ini.

Dalam jawapan lisan sebagai dipetik menyatakan, Ahmad Zahid mengaku terdapat enam aduan berwajib mengenai tindakan ganas ahli Perkasa di Pulau Pinang sepanjang tahun 2011 hingga sekarang.

Aduan pertama mengenai seorang pemberita dipukul oleh beberapa lelaki dipercayai ahli Perkasa semasa membuat liputan perhimpunan anti Bersih (Gabungan Pilihanraya Adil dan Bersih) di Jambatan Pulau Pinang pada 1 Julai 2011.

Aduan kedua mengenai Perkasa menganjurkan perhimpunan tanpa permit di Komtar di sini pada 30 November 2011 bagi menyerah memorandum kepada Ketua Menteri.

Aduan ketiga mengenai ahli Perkasa didakwa mencaci serta mengugut Guan Eng di Dewan Pidato dekat Padang Kota Lama di sini pada 26 Februari 2012 yang lalu.

Aduan keempat mengenai sekumpulan lelaki dipercayai ahli Perkasa menuntut Guan Eng bertindak adil di depan kediaman Ketua Menteri itu pada 10 Mei 2012.

Aduan kelima mengenai seorang ahli Perkasa didakwa cuba menghampiri Ketua Menteri hingga tercetus kekecohan di Pasar Telok Bahang pada 30 Jun 2012.

Aduan keenam dan terakhir adalah tindakan Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali dalam Konvensyen Perkasa di UiTM Pulau Pinang yang didakwa menyeru umat Islam membakar bible berkalimah Allah.

# Yayasan Islam anjur Festival Etnik Rawo 17 Ogos

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) akan menganjurkan Festival Etnik Rawo di perkarangan Masjid Melayu Lebuh Acheh dalam lingkungan bandar warisan dunia UNESCO pada 17 Ogos depan.

Ahli Lembaga Pengarahnya, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa berkata, penganjuran itu diharap dapat menghidupkan suasana budaya dan sejarah Lebuh Acheh yang dikatakan kaya dengan pengalaman multi etnik.

"Adat '*Jojak*' atau pantang tanah akan dipersembahkan, selain, pantun dan sesi bercakap (dalam) bahasa dialek Rawo oleh pesara guri dari bangsa India yang mahir dalam dialek Rawo.

"Program ini mampu membuktikan erti kepelbagaian yang menjadi resepi kejayaan Pulau Pinang...(serta) menyemarakkan lagi perkembangan Pulau Pinang melalui kekayaan budaya," ujar beliau semasa berucap pada Majlis Pembukaan Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Lalang di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Danny Law Heng Keang (Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan) dan Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) turut hadir pada majlis anjuran ADUN Padang Lalang, Chong Eng.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan Zolkifly Md. Lazim (Presiden *D'BM Hospital*).

Mujahid yang juga pengarah program festival tersebut berkata, keraian sehari bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang itu turut memuatkan info budaya serta sejarah etnik Rawo di negeri berkenaan dan Malaysia melalui pameran serta persembahan kebudayaan lain.

Tambah beliau, selebriti dakwah seperti Ustaz Akil Hayyi dan Ustaz Don Danial Don Biyajed turut akan menyertai festival antarabangsa itu.

Menurut beliau, Penaung YIPP, Datuk Mansor Othman turut berkongsi hasrat yang sama melalui penganjuran festival tersebut.

Difahamkan, Etnik Rawo yang datang ke Pulau Pinang serta membina identiti komuniti berniaga sejak penghujung kurun ke-18 lagi.

Sehingga kurun ke-20, mereka menguasai peniagaan (dalam) bidang kitab agama, percetakan dan pemborong kain.



MUJAHID Yusof Rawa menyampaikan ucapan alu-aluan sempena Majlis Pembukaan Pusat Khidmat KADUN Padang Lalang anjuran Chong Eng di sini baru-baru ini.


MOHD Rashid Hasnon (duduk depan, dua dari kiri) bergambar kenang-kenangan bersama kepemimpinan MPMPP di sini baru-baru ini.

# Kembang bakat 600 siswa melalui KN - TKM1

Oleh: **ANNAS ZAINUL ABIDIN**

**GEORGE TOWN** - Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon berharap lebih 600 mahasiswa yang menyertai Majlis Perundingan Mahasiswa Pulau Pinang (MPMPP) dapat mengembangkan bakat masing-masing melalui program-program rasmi yang dianjur bersama Kerajaan Negeri.

"Tidak ada gunanya 'kerajaan hari ini' sekiranya lebih 600 pelajar pra universiti dan mahasiswa yang menyertai MPMPP tidak boleh mendapat apa-apa manfaat.

"Selain fokus pada kecemerlangan akademik, jangan takut menempuhi kesibukan melalui program-program kemasyarakatan kerana pengalaman itu adalah guru terbaik untuk mengembangkan bakat mahasiswa nanti," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Hasrat itu disampaikan dalam satu majlis interaksi dua hala dengan kepemimpinan MPMPP.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak berkata, pihaknya bersetuju dengan cadangan MPMPP mengadakan program Ihya' Ramadan Bubur Lambuk, Jamuan Berbuka Puasa bersama Timbalan Ketua Menteri I (TKM1), lawatan sambil belajar MPMPP ke Tanah Tinggi Cameron, Karnival Kerjaya serta Kursus Pra Perkahwinan.

# Doktor rasis: Exco beri ADUN pembangkang kata dua

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**


Dr. Afif Bahardin.


Datuk Roslan Saidin.

**GEORGE TOWN** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, Datuk Roslan Saidin yang mengaku wujud tiga doktor rasis di hospital kerajaan di Negeri Pulau Pinang supaya segera mengemukakan bukti berwajib atau mohon maaf atas tuduhan tanpa asas tersebut.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Datuk Seri Hilmi Yahaya (Timbalan Menteri Kesihatan) sendiri dalam satu kenyataan di sesawang Malaysiakini.com pada 20 Julai lepas mengaku bahawa dakwaan itu 'mungkin berlaku salah faham'.

"Saya menggesa YB Roslan Saidin agar meminta maaf secara terbuka kepada para doktor di seluruh Malaysia berikutan dakwaan yang telah beliau bangkitkan di dalam DUN (Dewan Undangan Negeri) Pulau Pinang berkenaan tiga doktor rasis yang enggan merawat pesakit," ujar Dr. Afif menerusi emel baru-baru ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata, kegagalan Roslan mengemukakan bukti hanya akan menyerlahkan sikap tidak bertanggungjawab pemimpin pembangkang Pulau Pinang itu sahaja.

Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat berkata, Kerajaan Negeri akan terus berusaha mengembangkan potensi perindustrian yang sedia ada di negeri berkenaan sungguhpun berdepan dengan perubahan senario ekonomi kebelakangan ini.

"Dalam pertumbuhan ekonomi negeri, ada masanya naik (berkembang) dan ada masa yang lain menurun (menguncup). Industri ini ada kitarannya.

"Bagaimanapun, Kerajaan Negeri yakin persekitaran ekonomi yang berdaya saing dengan prospek perdagangan berasaskan integriti akan terus menjadi kekuatan kita (Pulau Pinang) dalam menghadapi senario naik turun sekarang," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

Mufti Negeri Pulau Pinang, Sohibus Samahah Datuk Seri Hassan Ahmad, Datuk Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, JAIPP), Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah) antara dif kehormat yang hadir pada majlis keraian tersebut.

Mohd Rashid berkata, golongan yang kreatif serta cepat menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran sahaja mampu menempuhi senario tersebut, terutama dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) dan sektor perkhidmatan pelancongan.

Difahamkan, Pulau Pinang dalam tempoh tiga bulan bermula Januari lepas berada pada anak tangga ketiga selepas negeri Johor dan Sarawak pelaburan keseluruhan bernilai RM0.85 bilion, lapor perangkaan Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA).




MOHD. Rashid Hasnon (duduk atas kerusi, bersongkok) dan isteri bergambar kenang-kenangan dengan pemimpin-pemimpin mahasiswa MPMPP dari pelbagai universiti tempatan di sini baru-baru ini.

Laporan itu seakan menggambarkan ketidaktentuan ekonomi, termasuk dalam sektor E&E.

Pun begitu, *PenangInvest* dalam satu kenyataan menyebut, industri E&E di negeri berkenaan dalam suku kedua tahun ini masih diramalkan positif.

Ini, berdasarkan laporan *Malaysian American Elektronics Industry* (MAEI) yang dilaporkan menyebut bahawa eksport E&E dijangka meningkat antara 3 hingga 4 peratus.

Tidak cukup dengan itu, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang diramal oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Amerika Syarikat dalam tempoh sama turut berkembang antara 5 hingga 6 peratus.

Malah, dilaporkan, Dana Pelaburan Antarabangsa (IMF) menjangkakan sektor E&E akan menjadi pasaran utama dengan peningkatan pelaburan sebanyak 1.9 peratus.

"MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) juga melaporkan pelaburan tahun ini dijangka meningkat lebih 20 peratus berbanding tahun lepas," lapor sumber.

## TKM1 harap banyak NGO dakwah cakna *muallaf*

Oleh: **ANNAS ZAINUL ABIDIN**

**BAYAN BARU –** Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon berharap lebih banyak lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tampil memberi sokongan kepada golongan saudara baru memeluk Islam (*muallaf*).

Beliau berkata demikian pada majlis jamuan berbuka puasa bersama-sama sekumpulan *muallaf* anjuran *Hidayah Centre Foundation Pulau Pinang* (HCF) dan Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM).

"Saya juga ingin menasihatkan saudara baru yang menghadapi ujian setelah memeluk Islam supaya jangan lemah dan bersedih, hadapilah dengan tabah dan sabar segala ujian ini dengan sokongan badan-badan dakwah ini," ujar beliau di Kompleks Tabung Haji di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Sohibul Samahah Datuk Seri Hassan Ahmad (Mufti Negeri Pulau Pinang), Mariah Ismail (Ketua Penolong Pengarah




MOHD. Rashid Hasnon (kanan) menyampaikan penghargaan kepada Parid Sheikh Ahmad.

Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, JAIPP) dan Dr. Mohd. Parid Sheikh Ahmad (Presiden IKRAM) turut hadir pada majlis kasih sayang bertemakan *Journey to Jannah* itu.

Sebelum pada itu, Pengerusi HCF, Yusni Ghazali berkata, pihaknya komited membantu *muallaf* di negeri berkenaan.

"Misi pertubuhan ini ialah untuk menyebarluaskan fikrah Islam...memberi khidmat sokongan kepada saudara baru. Sudah pasti HCF memberi fokus kepada masyarakat Pulau Pinang," ujar beliau.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan hubungan tidak langsung kepemimpinan Kerajaan Negeri dengan NGO dakwah Islamiah demi memartabatkan Islam di negeri berkenaan sebagaimana dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

## TKM1 seru jabatan awam utamakan produk kehijauan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon menyeru semua jabatan kerajaan supaya mengutamakan pembelian produk kehijauan demi merealisasi kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau Selamat dan Sihat.

Beliau semasa merasmikan majlis Taklimat Perolehan Hijau dan Garis Panduan 2013 berkata, Pulau Pinang dikatakan antara negeri yang berjaya melaksanakan kempen Tiada Beg Plastik Percuma serta larangan penggunaan polisterin yang lebih dikenali sebagai 'keranda putih'.

Ekoran itu, katanya, tidak harianlah sekiranya kadar kitar semula di negeri berkenaan paling tinggi berbanding negeri-negeri lain, iaitu 24 peratus sekarang dan mensasarkan kadar 40 peratus pada tahun 2018 nanti.

"Saya menyeru supaya jabatan-jabatan kerajaan memulakan pembelian hijau dan mempraktikkan amalan hijau di pejabat masing-masing.

"Melalui amalan ini, kita akan dapat menyaksikan 'benih' ekonomi hijau yang dapat meningkatkan kesejahteraan manusia dan ekuiti sosial," ucap beliau di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak berkata, Hari Alam Sekitar Sedunia yang diraikan baru-baru ini pun antara lain turut memberi perhatian pada pri penting penggunaan produk kehijauan.

Perkembangan terbaru itu sekaligus dijangka mampu menarik minat lebih banyak pihak yang prihatin dengan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar supaya bertandang ke negeri berkenaan.

# KM cadang *Penfurnex* teroka potensi

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



KETUA Menteri (dua dari kiri) memalu gong sebagai simbolik pada Majlis perasmian *Penfurnex* sambil ditemani oleh Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) dan dif-dif kehormat lain di PISA baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Penganjuran Pameran Perabot Kali Ke-13 Tahun 2013 (*Penfurnex*) di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di sini baru-baru ini diharap dapat melonjak lagi potensi industri berkenaan melalui penerokaan dunia 'perabot hijau'.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pihaknya berharap penganjuran ekspo selama tiga hari itu dapat menarik 30,000 pengunjung dengan sasaran jualan kasar mencecah kira-kira RM12 juta.

"Para pengeluar juga digesa agar meneruskan pembangunan mampan dan kaedah dengan mengambil kesempatan daripada peralihan pasaran ke arah 'perabot hijau'.

"Keseimbangan di antara pertumbuhan ekonomi dan kemampanan adalah penting untuk memastikan pertumbuhan jangka panjang industri perabot," ujarnya di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim turut hadir pada majlis perasmian *Penfurnex* 2013 itu.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, Malaysia berada pada ranking kesepuluh sebagai pengeksport terbesar dunia dengan nilai eksport mencecah kira-kira 80 peratus daripada pengeluaran industri itu.

Tambah beliau, eksport perabot bagi tahun lepas sahaja mencatatkan peningkatan sebanyak 4.3 peratus atau sebanyak RM8 juta, berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM7.67 juta sahaja.

Sebelum itu, pengerusi penganjur *Penfurnex*, Richard Ooi berkata, penganjuran ekspo kali ini menerima 110 penyertaan berbanding tahun lepas, iaitu sebanyak 80 peserta pameran sahaja.

Itu bermakna, katanya, berlaku peningkatan penyertaan pameran sebanyak lima peratus sungguhpun senario ekonomi domestik dirasai sedikit menguncup belakangan ini.

"Ini merupakan satu berita gembira kerana tawaran dalam industri perabot dan barang hiasan dalaman telah meningkat melibatkan semua jenis perabot dan barang hiasan.

"Ia merupakan sebuah pusat sehenti tahunan untuk para penggemar dan pengumpul perabot dan hiasan dalaman untuk datang dan membeli barang-barang yang mereka kehendaki di bawah satu bumbung dengan pelbagai pilihan yang ditawarkan," ujarnya.






## Pemaju beritahu Exco sPICE siap 37 peratus

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow baru-baru ini mengadakan lawatan kerja ke tapak pemajuan *Subterranian Penang International Conference & Excibition* (sPICE*)* di sini bagi memastikan pemaju Kumpulan SP Setia Bhd. mampu menyiapkan projek tersebut siap mengikut jadual pada tahun 2016.

Pengarah Projek pemaju, Ir. A. Anilarasu berkata, projek menaik taraf tersebut umumnya berjalan lancar dengan 37 peratus perancangan pemajuan telah siap.

"Secara keseluruhannya, 37 peratus projek sPICE telah siap dan kerja-kerja penaik tarafan pada sesetengah tempat kita sudah boleh lihat hasilnya," ujar Anilarasu dalam satu sidang media bersama-sama Kon Yeow di sini baru-baru ini.

Menurut Anilarasu, kerja-kerja menaik taraf yang telahpun siap sepenuhnya meliputi kawasan lobi utama arena orang kenamaan (VIP), parkir bawah tanah, bilik mesyuarat VIP, sistem pendingin hawa serta arena utama stadium.

"Siling dan bumbung stadium telah ditukar akibat mengalami kebocoran...sistem pembesar suara dalam stadium turut dinaik taraf," jelas beliau.

Tambah beliau, kerja-kerja naik taraf yang masih dilakukan meliputi kawasan kolam renang dan lot-lot kedai komersial.

Itu, katanya lagi, tidak termasuk kerja-kerja awalan menaik taraf di kawasan pintu masuk utama yang bakal menempatkan dewan konvensyen.

"Pusat konvensyen ini akan mengutamakan ciri yang moden dan hijau di mana di atasnya akan dibina taman untuk pengunjung beriadah.

"Fasa terakhir projek ini turut akan menempatkan dua buah blok hotel berkembar bertemakan 'kubik' yang menarik serta berbentuk futuristik dan dijangka sedikit lewat dari projek di zon lain," ujar Anilarasu.

Pemajuan sPICE sekarang adalah di atas tapak Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA).



REPLIKA sPICE dari sisi pandang depan yang dipamerkan pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Tambah 50 peratus lagi insentif atlet - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT JAMBUL –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, atlet yang berjaya mengharumkan nama Pulau Pinang dalam Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-16 baru-baru ini akan menerima tambahan 50 peratus lagi insentif daripada Majlis Sukan Negeri (MSN).

Beliau berkata, pertambahan insentif mengikut kadar asal yang ditetapkan MSN itu ekoran kejayaan kontinjen negeri mendapat tempat ketujuh dengan membawa pulang lapan pingat emas, 19 perak dan 21 gangsa dalam 17 jenis sukan yang disertai.

"Kita perlu semangat untuk menang, itulah baru menentukan menang kalah kita dalam perjuangan.

"Kita mesti ingat bahawa tiap-tiap kali selagi (dilaung) 'Ini kalilah', baru boleh menang," ujar Guan Eng di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Datuk Ong Poh Eng (Timbalan Pengerusi II MSN) turut berucap pada Jamuan Malam dan Majlis Penyerahan Insentif Kerajaan Kepada Kontinjen Atlet Negeri Pulau Pulang.

Hadir bersama, Pegawai Kerajaan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait dan Frederick Tan Teck Aun (Pengarah MSN Pulau Pinang).

Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada ibu bapa atlet kerana tekun memberi sokongan kepada anak masing-masing dalam memburu kejuaraan.

Chong Eng yang berucap kemudian turut mengumumkan peruntukan Kerajaan Negeri melalui Bajet 2013 berjumlah RM5 juta pada tahun ini bagi membina gelanggang futsal atau bola keranjang.

Difahamkan, Kontinjen Negeri berjaya merebut pingat dalam sukan Judo, *Silambam*, Lawan Padang, Renang Berirama, Ping Ping, *Softbol*, *Futsal*, *Ekuestrian*, Kriket, *Woodball* dan *Muay Thai* dalam kejohanan di Kuala Lumpur bermula pada 28 Jun hingga 7 Julai lepas.



ATLET yang berjaya merangkul pingat bergambar kenang-kenangan di sini baru-baru ini.

# Exco harap majikan tubuh pusat jagaan kanak-kanak



CHONG Eng (lima dari kiri) bersama pemimpin wanita lain meneliti Pelan Tindakan Dasar Penjagaan Kanak-Kanak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Penubuhan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Taska D'Komtar di sini diharap dapat mendorong majikan berwajib untuk mewujudkan inisiatif sama di tempat kerja masing-masing.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, inisiatif itu adalah kesinambungan pada pelancaran Pelan Tindakan Dasar Penjagaan Kanak-Kanak yang dilancarkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada bulan Mac lepas.

Beliau berkata, cadangan pemajuan pusat tersebut di atas keluasan lantai 1,680 kaki persegi dan mampu menampung sekitar 30 kanak-kanak pada fasa permulaan nanti.

"Kerja-kerja pengubahsuaian dijangka siap pada penghujung tahun ini...PWDC (Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang) akan bertindak kepada pelan pelaksana tersebut selama setahun.

"Selepas itu, satu badan Hak Asasi Kanak-kanak dan Unit Penjagaan Kanak-kanak akan ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengambil alih tanggungjawab ini dengan bantuan semua pihak berkepentingan," ujar beliau pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Ketua Pengarah Eksekutif PWDC, Sri Husnaini Sofjan dan Wan Rosnah Wan Othman (Pegawai Perundangan dan Advokasi Jabatan Kemajuan Masyarakat PWDC) turut hadir pada majlis pengumuman penubuhan Pusat Penjagaan Kanak-kanak Taska D'Komtar.

Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang berkata, Unit Penjagaan Kanak-Kanak tersebut mempunyai bajet dan programnya sendiri, sekaligus menjadi yang pertama seumpamanya di peringkat negeri.

Dalam perkembangan berkaitan, Chong Eng turut malahirkan rasa simpati dan takziah kepada keluarga Cyndy Koay Xin Lin yang meninggal dunia di pusat jagaan kanak-kanak dekat Bukit Mertajam baru-baru ini akibat tersedak susu.

**SINDIR MUTIARA**

Oleh: **Sam**




LAUTAN manusia membanjiri Bazar Ramadhan Bayan Baru yang merupakan bazar Ramadhan terbesar di sebelah pulau, yang pastinya menyediakan pelbagai variasi makanan sama ada tradisional mahupun moden.


AYAM golek sememangnya menjadi juadah pilihan yang popular di bulan puasa.


SALAH satu gerai menjual ketupat daun palas dan lemang susu yang merupakan hidangan wajib ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri.


PELANCONG asing juga tidak ketinggalan membeli juadah di pasar Ramadhan di *Little India* baru-baru ini.

# Keunikan bazar Ramadhan gamit kunjungan warga kota

**RAMADHAN AL-MUBARAK...** Seperti setiap kali tibanya bulan Ramadhan, rasanya tidak lengkap jika tidak dimeriahkan dengan kunjungan ke bazar-bazar Ramadhan, sama ada berdekatan ataupun yang terkenal di kawasan setempat.

Sempena Ramadhan 1434H/2013, segmen Jalan-jalan bersama krew Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurukamera, **MOHD. HAFIZ TAJUDIN** meninjau beberapa bazar di sekitar kawasan pulau baru-baru ini.

Antara bazar-bazar yang sering menjadi buah mulut orang ramai adalah Bazar Ramadhan Liga Muslim di *Little India*, Bazar Ramadhan Taman Tun Sardon, Bazar Ramadhan Sungai Gelugor dan Bazar Ramadhan Bayan Baru.

Ikuti kembara krew Jalan-jalan ke lokasi-lokasi tersebut.


AYAM goreng bawang 'panas-panas' yang istimewa ini merupakan masakan India Muslim yang dicari-cari ketika bulan Ramadhan di *Little India*.


*YONG Tau Foo*, sama ada kuah pekat mahupun sup berempah menjadi juadah istimewa yang mesti ada di kebanyakan pasar Ramadhan di Pulau Pinang.


DERETAN gerai yang menyajikan pelbagai jenis pilihan makanan dikunjungi masyarakat pelbagai kaum yang hendak membeli juadah untuk berbuka puasa.



PELBAGAI jenis minuman yang jarang ditemui boleh dijumpai sepanjang Ramadhan antaranya sirap selasih, air bunga harum, air buah amra asam boi dan cendol pulut.


ANTARA kedai di *Little India* yang mempunyai keunikan tersendiri dengan menyediakan pelbagai jenis keperluan asas dapur.

# Untung di negara sendiri, pengalaman di negara orang - Nurashikin


NURASHIKIN Abdullah

*"Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri."*

**ITULAH** kata-kata adik Nurashikin Abdullah, 21 tahun, pelajar tahun tiga di Universiti Tonto, Mesir semasa ditemuramah oleh wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

Beliau bercuti belajar sejak 10 Julai lalu dan akan terbang kembali ke negara 'tamadun dunia' itu selepas menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama-sama keluarga.

Nurashikin merupakan anak sulung. Beliau mempunyai sepasang adik beradik lelaki dan perempuan.

Ayahnya, Abdullah Baha merupakan pesara tentera, manakala, ibu, Hashimah Ahmad adalah suri rumah sepenuh masa.

Sejak di bangku sekolah (Sekolah Kebangsaan Sungai Ara dekat Bayan Lepas) lagi, pesanan ibu, "kalau orang lain boleh buat, kita pun boleh buat (berjaya)" menjadi bekalan hidup.

Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak, Melaka sebelum menyertai kursus pra perubatan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pada tahun 2011, Nurashikin mengambil langkah berani terbang ke Mesir berbekalkan keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sungguhpun masih belum mendapat t ajaan atau biasiswa daripada mana-mana pihak.

"Memang dari kecik tak pernah ubah cita-cita, nak jadi doktor.

"Memang berminat nak sambung pelajaran dalam bidang perubatan di Mesir.

"Macam saya, pergi mohon dan pergi ke Mesir dahulu. Selepas itu, baru dapat biasiswa," ujar beliau.

Berkat tawakal kepada Allah, beliau selepas setahun belajar di Universiti Tonto memohon tajaan biasiswa dari sebuah Hospital Bersalin Muslimah (Hospital D'BM) dekat Permatang Pauh dan berjaya.

"Kawan ayah yang perkenalkan biaswa ini. Saya ditemuduga melalui *Skype*. Saya bersyukur kerana mendapat biasiswa pendidikan daripada Hospital D'BM di bawah Presidennya, Zolkifly Md. Lazim.

"Istimewa biasiswa ini, JPA dan MARA kena bayar balik, tetapi, pemberi biasiswa ini menawarkan kita bekerja dengan mereka selepas tamat belajar nanti.

"Malah, jika mahu melanjutkan pengajian dalam bidang kepakaran pun, mereka pertimbang untuk taja sekali lagi. Inilah istimewanya.

"Tetapi ada syaratnya (iaitu) selepas keluar, jadi doktor pelatih selama dua tahun, bekerja di hospital kerajaan selama dua tahun dan boleh melapor diri di Hospital D'BM," ujarnya.

Beliau memberitahu bahawa beliau mendapat biasiswa sekitar RM34,000 setahun.

### Rahsia Belajar

Nurashikin ketawa apabila calon doktor digambarkan sebagai ulat buku.

Beliau berkata pelajar yang cemerlang masing-masing mempunyai teknik belajar tersendiri.

Ada yang tekun dan ada yang sebaliknya, tetapi masih cemerlang berbanding rakan-rakan yang lain.

Seperti dirinya sendiri, Nurashikin mengaku bahawa beliau memberi tumpuan 100 peratus dalam kelas. Selebihnya, ulangkaji pada musim peperiksaan.

"Tiada apa-apa rahsia. Cara belajar, saya tak boleh nak cakap sebab lain orang lain caranya.

"Ada kawan yang santai dalam belajar, tetapi, masih cemerlang. Macam saya, tumpuan 100 peratus dalam kelas, itu penting.

"Kalau nak ikut tawaran JPA atau MARA, saingan sangat sengit, kena mendapat semua gred A+. Ada yang dapat semua gred A+ dalam SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) pun ada yang tak dapat tawaran dalam bidang perubatan.

"Tetapi, mereka ambil perubatan melalui jalan-jalan lain juga," jelas beliau.

### Minat Berpersatuan

Pada masa lapang atau masa rehat dari mengejar kewajipan akademik, Nurashikin menghabiskan masa dengan berpersatuan dengan warganegara Malaysia lain yang belajar di Mesir.

Beliau berkata, dengan berbuat demikian, sekurang-kurangnya dapat mengubat rindu hidup di tanah air sendiri, khususnya dalam dakapan keluarga tercinta.

Jadi, katanya lagi, calon doktor juga seperti mahasiswa lain yang mempunyai aktiviti berpersatuan tradisi sendiri, bukan 'ulat buku' sepanjang masa. Seloroh beliau.

"Saya bukanlah ulat buku sepenuh masa meskipun pelajar-pelajar dalam jurusan ini digambarkan begitu.

"Saya terlibat dalam aktiviti kemahasiswaan di sini, layari internet pada masa rehat seperti remaja-remaja lain sungguhpun iklim masyarakat di sini jauh berbeza dengan di tanah air kita.

"Hujung minggu, selalu mengikut aktiviti persatuan mahasiswa di sini," jelas beliau.

### Polemik Mesir & 'Arab Baik'

Terlanjur berbincang mengenai kehidupan mahasiswa di Mesir, tidak dapat tidak, Nurashikin sendiri mengaku menerima bahang kebangkitan rakyat pro Presiden Dr . Morsi dan pesaingnya, iaitu tentera.

Beliau berkata, cerita polemik di Mesir yang sampai kepengetahuannya juga menerusi media massa tempatan, sebagaimana rakyat di Malaysia mengakses dunia Mesir menerusi media baru.

Ini kerana, katanya, kedudukan Tonto tempat Nurashikin belajar adalah jauh dengan tempat berlakunya polemik, iaitu Kaherah yang merupakan ibu negara Mesir.

"Saya belajar di Tonto dan kebangkitan rakyat Mesir (berlaku) di Kaherah, kedudukannya agak jauh macam jauh Ipoh ke Kuala Lumpur.

"Bahang kebangkitan rakyat di sini tentu dirasai sungguhpun jauh jika diukur secara geografi.

"Orang Arab Mesir tak ganggu pun pelajar Malaysia. Politik kebangkitan di sini (Mesir) hanya melibatkan warganegara Arab sahaja, bukan kita.

"Orang Arab sendiri sangat baik, nasihat kami supaya tidak sebarangan keluar rumah. Jika nak 'fotostat' nota pengajian pun, mereka minta dihubungi untuk membantu.

"Hubungan pelajar dengan Kuala Lumpur di Mesir melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

### Harapan

Nurashikin melahirkan rasa tidak sabar untuk kembali ke Malaysia sejurus tamat pengajian dalam bidang perubatan.

Beliau berkata, rakyat Malaysia akan lebih menghargai keamanan hidup di negara sendiri apabila menyaksikan situasi tidak menentu seperti di Kaherah, Mesir.

Mujur, katanya, Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri cakna dengan kebajikan serta keselamatan penuntut seperti beliau di Mesir.

"Pejam celik pejam celik, sudah tiga tahun belajar di sini (Mesir). Saya bersyukur semuanya masih selamat.

"Terima kasih kepada KPT. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan penaja biasiswa saya (iaitu) *Hospital. D'BM*.

# 20 jalan sehala demi urai sesak trafik

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**




**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengubah sistem 20 jalan utama sekitar George Town pada laluan sehala demi mengurai kesesakan trafik terutama pada waktu puncak di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, ujian pelaksanaan selama tiga bulan bermula pada 27 Julai lepas itu membabitkan Jalan Burmah, Jalan Pangkor, Jalan Kelawai, Jalan Bagan Jermal dan Persiaran Gurney kerana jalan-jalan radial utama itu antara yang dikenal pasti menghubungkan kawasan George Town ke pusat bandar.

"Jalan-jalan terlibat tidak mempunyai ruang untuk dilebarkan lagi. Jalan-jalan baru sebagai jalan pintas *(by-pass)* telah dicadangkan melalui kawasan ini.

"Bagaimanapun, sementara jalan-jalan ini dikaji dengan lebih lanjut, tindakan-tindakan interim perlu diambil untuk menambah baik aliran lalulintas sedia ada," ujarnya ketika di Komtar di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPPP, Ir. Ang Aing Thye, Cheah Kah Peng (ADUN) Yap Soo Huey (ADUN Pulau Tikus), Addnan Mohd. Razali (Pengarah Kejuruteraan MPPP) dan Ir. A. Rajendran (Timbalan Pengarah Kejuruteraan MPPP) turut hadir pada sidang media itu.

Untuk tujuan itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memasang papan-papan tanda lalulintas, arah laluan dan amaran sebagai panduan kepada orang ramai.

"Khidmat pihak polis dan penguatkuasa MPPP turut digunakan untuk memantau keadaan traffik pada waktu-waktu puncak," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, penyusunan semula laluan-laluan sehala itu turut membabitkan arah laluan bas awam *Rapid Penang*, iaitu laluan 101, 102, 103, 104, 10 dan 304.

Bercakap pada sidang media yang sama, Pegawai Sokongan Strategik *Rapid Penang*, Osman Amir berkata, perubahan arah laluan bas kebanyakannya adalah sama, kecuali laluan 103 kerana laluan yang baru tidak akan melalui Teluk Bahang dan juga Jeti.

Sementara itu, katanya lagi, perubahan di laluan 104 yang sebelumnya membabitkan Jalan Burmah akan ditambahbaik bagi membolehkan bas melalui kawasan *Mount Erskine*.

"Kita (*Rapid Penang*) akan memaparkan peta laluan baru di laman sesawang *Rapid Penang, Facebook* dan juga *Twitte*r bagi memudahkan para pengguna bas mengakses laluan bas yang baru.

"Selain itu, peta dan risalah turut akan dilekatkan dan diedarkan di stesen-stesen bas sebagai notis kepada pengguna.

"Beberapa buah stesen bas baru akan diwujudkan di beberapa lokasi yang telah dikenalpasti," ujarnya.

Orang ramai boleh memberikan maklum balas atau komen dan cadangan secara bertulis kepada Pengarah Kejuruteraan MPPP, Tingkat 13, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10675, Pulau Pinang ataupun menghubungi talian 04-2592205/04-2592202 atau melalui emel kepada *zainuddin@mppp.gov.my.*



**(Dari kiri), A.Rajendran, Osman Amir, Addnan Mohd. Razali, Yap Soo Huey, Cheah Kah Peng dan Ang Aing Thye menunjukkan peta laluan sehala baru berwajib dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.**

# Tapak Arkeologi Guar Kepah 'pelancongan penyelidikan' - TKM1

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



**(Kiri sekali), MOHD. Rashid Hasnon meninjau kawasan Tapak Arkeologi Guar Kepah baru-baru ini.**

**KEPALA BATAS –** Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon mengadakan lawatan kerja ke Tapak Arkeologi Guar Kepah dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penaga di sini.

Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Saodah Nawawi turut menyertai lawatan kerja tersebut.

Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak diberi taklimat prosek ekskavasi di tapak warisan dunia itu di bawah kendalian Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia (USM).

"Ini (Tapak Arkeologi Guar Kepah) adalah tidak ternilai kerana dari maklum balas yang diterima mendapati telah ada lima pentarikhan yang kesemuanya sekitar 5,000 hingga 6,000 tahun dahulu," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Mewakili Kerajaan Negeri, beliau menyambut baik hasrat USM untuk membangunkan pelancongan penyelidikan di kawasan bersejarah tersebut.

# Dua lagi angkat sumpah Ahli Majlis MPPP



**MOHD. Foaz Abdul hamid.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Istiadat pelantikan dan mengangkat sumpah dua lagi Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dilangsungkan di hadapan Yang di-Pertuanya, Ar. Datuk Patahiyah Ismail.

Mereka, Nur Zarina Zakaria mewakili Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Mohd. Foaz Hamid mewakili badan bukan kerajaan (NGO).



**NUR Zarina Zakaria.**

Nur Zarina, 32 mempunyai sarjana dalam jurusan Kejuruteraan Awam dan kini bertugas sebagai pegawai khas di Pejabat Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Mohd. Foaz, 47, pula merupakan Presiden bagi Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), mempunyai diploma dalam Pengurusan Perniagaan dan kini masih sebagai perunding dalam sektor korporat.

Mohd. Foaz semasa ditemui kemudian berkata, beliau berharap pengalamannya dapat memartabat lagi peranan yang dimainkan oleh MPPP kelak.

"Saya diletakkan dibahagian Jawatankuasa Perancangan Bandar dan bagi saya ini bukanlah satu masalah kerana saya juga telah biasa dalam bidang ini.

"Saya akan gunakan segala pengalaman yang saya ada bagi meningkatkan lagi martabat MPPP dan harapan saya selama berkhidmat untuk tidak menghampakan MPPP," ujarnya di sini baru-baru ini.

Nada yang sama turut diluahkan oleh Nur Zarina.

"Sebagai seorang wanita,semestinya tugasan ini sungguh mencabar, tambahan pula wanita sememangnya mempunyai tanggungjawab yang berat dalam menjaga karier dan keluarga," ujar ibu kepada empat orang anak ini.

Kedua-dua mereka dan Ahli Majlis MPPP lain dilantik dalam tempoh Julai hingga 31 Disember depan.

# *Guppy*, MPSP ke 34 sekolah SPT pula

Oleh : **AHMAD ADIL MOHAMAD**



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (lapan dari kiri) menerima sumbangan pasu dan pokok bunga daripada Rohani Basiri (enam dari kiri) sebagai gimik pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2013 Peringkat SPT di sini baru-baru ini.**

**BUKIT MERTAJAM** - 34 buah sekolah lagi sekitar Seberang Perai Tengah (SPT) yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau 2013 anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masing-masing menerima sumbangan pasu bunga daripada Guppy Plastic Industries Sdn. Bhd. *(Guppy)*.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, *Guppy* sebelum ini turut menyumbang sejumlah pasu dan pokok bunga kepada sekolah-sekolah terpilih sekitar Seberang Perai Utara (SPU) atas nama tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Sebanyak 80 sekolah menyertai pertandingan kehijauan sekolah peringkat Seberang Perai bagi tahun ini.

“Saya berharap sekolah-sekolah yang terlibat akan menjaga pokok yang disumbangkan dengan penuh kasih sayang dan markah akan diberikan semasa pengauditan dibuat,” ujar beliau di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis MPSP, Tan Cheong Heng dan Rohani Basiri (Pengurus Kanan Pentadbiran *Guppy*) turut hadir pada majlis di Kompleks MPSP Cawangan SPT di sini.

Maimunah berkata, *Guppy* terpanggil untuk menyertai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu selepas melihat keghairahan pelajar di sekolah tertentu dalam menjayakan Program Keceriaan Sekolah.

“Saya berharap sekolah-sekolah yang terlibat akan menjaga pokok yang disumbangkan dengan penuh kasih sayang dan markah akan diberikan semasa pengauditan dibuat yang merangkumi 10 kriteria.

“Antara kriteria yang akan dinilai ialah kebersihan kawasan sekolah, penjimatan air, dan aktiviti-aktiviti lain yang kreatif,” kata Maimunah.

Justeru, katanya, program ini diharap dapat menjadikan Seberang Perai semakin bersih dan hijau berikutan kriteria amalan hijau yang dipraktikkan oleh sekolah-sekolah yang terlibat.

---

BERSATU DAN SETIA

## JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha yang berdaftar denganSuruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai sebut harga berikut :

| Bil. | No. Sebut Harga JKNPP | Tajuk Projek | Tarikh Lawatan Tapak | Tarikh dan Masa Sebut Harga Ditutup |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **JKNPP 8 / 2013** | Sebut Harga Penyertaan Gerai Jualan, Pameran dan Medan Selera Pesta Pulau Pinang Tahun 2013 yang akan berlangsung dari 26 November 2013 hingga 31 Disember 2013 | Tarikh :<br>**26 Ogos sehingga 30 Ogos 2013. (Isnin - Jumaat)**<br><br>Tempat :<br>**Tapak Pesta Sungai, Nibong Pulau Pinang**<br><br>Jam : **9.00 Pagi - 4.00Petang( Isnin – Khamis )**<br>**9.00 Pagi – 12.00 T/hari ( Jumaat )** | Tarikh Tutup :<br>**03 Sept. 2013 ( Selasa )**<br><br>Jam :**12.00 T/hari** |

1. Penyebut harga yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah mendapatkan borang sebut harga di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak di atas. Bayaran **RM 10.00** dikenakan bagi setiap borang sebut harga yang dijual dan **satu borang sebut harga hanya terhad untuk satu lot sahaja**. Borang sebut harga tidak boleh difotostat. Penyebut harga yang menggunakan borang yang difotostat tidak akan dipertimbangkan.

2. Penyebut harga boleh mendapatkan maklumat mengenai lot-lot yang hendak ditawarkan semasa lawatan tapak dijalankan. Pembahagian lot-lot gerai dan kawasan lapang adalah mengikut sektorsektor berikut :

- Permaidani
- Tekstil dan Pakaian
- Produk berasaskan kayu, Bingkai hiasan gambar dll.
- Automotif
- Makanan dan Minuman Ringan
- Industri Kecil & Sederhana
- Permainan Kanak-Kanak / Belon
- Industri Kecil & Sederhana
- Benih-benih tanaman
- Produk keluaran kilang
- Produk Kesihatan
- Produk Pelancongan
- Makanan & Minuman
- Hiasan Dalaman/Landskap
- Elektrik & Elektronik
- Produk Perubatan Tradisional, Herba, Gamat dan yang berkaitan
- Kraftangan / Batik

3. Bagi lot untuk **Medan Selera** adalah dikhaskan untuk perniagaan **makanan dan minuman sahaja** dan lebih diutamakan kepada **makanan tempatan** yang mempunyai tarikan tersendiri. Maklumat mengenai lot-lot yang ditawarkan boleh didapati semasa lawatan tapak dijalankan.

4. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dengan menyatakan lot gerai/kawasan yang dipohon di **penjuru sebelah kiri sampul.** Dokumen hendaklah dihantar secara manual dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Aras 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang.** Tarikh tutup tawaran sebut harga ini ialah pada **03 September 2013 (Selasa) jam 12.00 tengahari. Sebut harga** yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

# ADUN seru NGO ikut kempen derma darah HYS

Oleh: **ANNAS ZAINUL ABIDIN**

**GEORGE TOWN -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai menyeru lebih banyak lagi badan bukan kerajaan (NGO) mempromosi kempen derma darah sebagaimana yang dilakukan oleh Kumpulan Hui Yin Seh (HYS).

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Kempen Kesihatan Derma Darah di pusat membeli-belah *Prangin Mall* di sini baru-baru ini.

”Saya berharap program ini diteruskan agar bekalan darah berterusan (mencukupi) dan berharap agar orang ramai meneruskan amalan murni ini,” ujar beliau.

Menurut Hon Wai, HYS saban tahun menganjurkan program derma darah dan aktiviti kali ini bertemakan ‘derma darah merupakan cinta yang tidak ternilai’.

Sebelum itu, pengarah penganjur, Zhang Yibin berkata, program kempen derma darah secara besar-besaran itu mensasarkan 500 paket darah untuk mengisi bank darah di tiga hospital di negeri berkenaan, iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Island dan Hospital Lam Wah Ee.

“Sejak 16 tahun lepas, kumpulan HYS menganjurkan kempen derma darah bulanan secara purata sebanyak 250 paket darah dan dua orang telah menerima anugerah pahlawan kerana telah menderma darah lebih 60 kali,” kata Yibin.

Difahamkan, HYS sejak 16 tahun lepas menganjurkan 211 kempen derma darah.

Dalam 14 bulan kempen derma darah secara besar-besaran, HYS direkodkan mengumpul sebanyak 47,389 beg darah.




**WONG Hon Wai (enam dari kir) bergambar kenang-kenangan bersama ahli jawatankuasa Kumpulan Hui Yin Seh (HYS) di sini baru-baru ini.**

# Edar 500 bekas juadah berbuka, PPK tidak abai rakyat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



**ABDUL Halim Hussain (dua dari kiri) menyampaikan pek juadah berbuka puasa kepada salah seorang penduduk di Kampung Jalan Baru di sini baru-baru ini.**

**TELOK BAHANG –** Sejumlah 500 bekas juadah berbuka yang berisi nasi minyak berserta lauk diedarkan kepada penduduk sekitar Kampung Jalan Baru di sini baru-baru ini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Bahang, Datuk Abdul Halim Hussain, edaran juadah berbuka adalah hasil inisiatif Pusat Khidmat PPK sendiri.

“Sungguhpun kita tahu Telok Bahang adalah kubu kuat Barisan Nasional (BN), namun, penduduk di kawasan ini tidak pernah diabaikan.



“Kerajaan Negeri tidak pernah pilih bulu dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan, kita bagi semua,” ujar Abdul Halim ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Tambahnya, sepanjang Ramadhan tahun ini selain penyampaian juadah berbuka puasa, Pusat Khidmat PPK turut menyampaikan sumbangan hamper dari Pusat Urus Zakat (PUZ) dan duit raya kepada fakir miskin dan ibu-ibu tunggal di sini.

“Saya berharap dengan penyampaian juadah berbuka dan juga sumbangan dari Pusat Urus Zakat (PUZ) dapat memberi sedikit kesenangan dan kegembiraan kepada penerimanya,” katanya di sini baru-baru ini.

# Buka puasa dekatkan Padang Tembak, KN – ADUN



**CHEAH Kah Peng (kiri sekali) bersama-sama Zairil Khir Johari (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada seorang penerima zakat di sini baru-baru ini.**

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BERBUKA PUASA...** Hampir 50 warga setempat menyertai jamuan berbuka puasa bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Tembak, Cheah Kah Peng di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari turut menyertai majlis penyerahan sumbangan hamper Zakat Pulau Pinang (ZPP) kepada asnaf terpilih.

Keraian itu dilangsungkan di Pusat Khidmat Rakyat ADUN Padang Tembak.

Kah Peng berkata, pihaknya berharap program keraian sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri itu dapat mendekatkan warga penduduk Padang Tembak dengan kepemimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

# "Hanya ilmu mampu ubah nasib..." - Jayabalan



SALAH seorang pelajar menerima penganugerahan daripada T. Jayabalan (enam dari kanan) di sini baru-baru ini.

**PENGHARGAAN** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Baru Uban, Dr. T. Jayabalan berbesar hati merasmikan Upacara Anugerah Pelajar Cemerlang yang diadakan di Kuil Sri Krishna Bagawan Ayalam, Taman Pekaka di sini baru-baru ini.

Dalam ucapan perasmiannya, beliau mengingatkan para pelajar untuk terus berusaha mencapai kejayaan bukan sahaja dalam pendidikan malah juga kehidupan.

"Hanya melalui pendidikan dan ilmu pengetahuan kita mampu mengubah nasib keluarga kita.

"Jangan jemu menuntut ilmu kerana ilmu adalah tunjang ke arah kecemerlangan," seru beliau di sini.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri sentiasa memberi dorongan dan sokongan untuk para pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi. Malah katanya, melalui pelbagai inisiatif, kini capaian terhadap pendidikan telah berkembang selaras dengan cita-cita Kerajaan Negeri melahirkan modal insan yang berkualiti.

Kira-kira 80 pelajar cemerlang dan ibubapa hadir dalam majlis tersebut.



DR. T. Jayabalan ketika menyampaikan ucapan perasmiannya baru-baru ini.

## *Sunway Carnival*, ADUN rai 25 anak yatim



AFIF Bahardin (tengah) bersama-sama wakil penganjur menyalakan pelita sebagai gimik perasmian majlis meraikan 25 anak yatim di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SEBERANG JAYA** - *Sunway Carnival* Mall Seberang Jaya meraikan 25 anak yatim dari Rumah Permata Kasih dalam satu jamuan berbuka puasa di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin sendiri merasmikan majlis amal bertemakan *The Glow of Raya* tersebut serta menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan berupa sepasang baju raya dan duit raya kepada anak-anak yatim berkenaan.

Dr. Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani semasa berucap merakamkan penghargaan atas komitmen *Sunway Carnival* mengadakan majlis amal tersebut sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri.

"Saya bersyukur kerana masih lagi berkesempatan untuk menjalani aktiviti kebajikan seperti ini.

"Saya amat berterima kasih kepada pihak *Sunway Carnival* kerana sudi menjayakan majlis kebajikan seperti ini," ujar Dr. Afif.

Justeru, beliau berharap lebih banyak lagi badan korporat menganjurkan majlis amal sebagaimana yang dilakukan oleh *Sunway Carnival*.

## ADUN dampingi penduduk setempat sempena iftar



R.S.N Rayer (berdiri, berkaca mata) tidak kekok melayani penduduk setempat ketika Majlis Iftar Penduduk Kampung Sungai Gelugor di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**MESRA RAKYAT...** Bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer, beliau tidak pernah berasa kekok apabila berdampingan dengan rakyat terutama ketika keramaian.

Sempena sambutan bulan Ramadhan tahun ini, Rayer berkesempatan meluangkan masa menghadiri majlis berbuka puasa bersama penduduk setempat.

Terbaru, beliau turut serta berbuka puasa bersama penduduk di Kampung Sungai Gelugor di sini.

Majlis Iftar Penduduk Kampung Sungai Gelugor yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Gelugor turut diserikan dengan pemberian bantuan dan duit raya kepada penduduk yang memerlukan dan kurang berkemampuan.

"Diharap bantuan ini dapat menceriakan penerima terutama ketika umat Islam lain sibuk menyempurnakan sambutan Aidilfitri tahun ini," katanya baru-baru ini.

# PINDAAN KEPADA LALUAN BAS (CHANGES TO BUS ROUTES)

## LALUAN BARU (NEW ROUTES)

**Laluan/ *Route* 101**

**Pergi**: Pengkalan Weld - Gat Lbh Chulia - Lbh Chulia - Jln Penang - Jln Dr Lim Chwee Leong - Jln Ria (Komtar) - Jln Magazine - Jln Penang - Jln Burma - Jln Pangkor - Jln Kelawai - Jln Tg Tokong - Jln Tg Bungah - Terminal Bas Tg Bungah - Jln Bt Ferringgi - Jln Tlk Bahang - Jln Hassan Abbas. **Balik**: Jln Tlk Bahang - Jln Bt Ferringgi - Jln Tg Bungah - Jln Tg Tokong - Jln Bagan Jermal - Jln Burma - Jln Pangkor - Jln Perak - Jln Macalister - Jln Penang - Jln Transfer - Jln Sri Bahari - Jln Penang - Lbh Chulia - Gat Lbh Chulia - Pengkalan Weld - Pesara King Edward - Pengkalan Weld (Feri)

**Laluan/ *Route* 102**

**Pergi:** Dari LTAB Bayan Lepas ke Jln Masjid Negeri – Jln Ayer Itam – Jln Dato Keramat – Jln Penang - Jln Ria (Komtar) – Jln Macalister – Jln Anson – Jln Perak – Jln Macalister – Lebuhraya Peel – Jln Perak - Jln Pangkor – Jln Kelawai – Jln Tg Tokong – Straits Quay – Jln Tg Bungah – Jln Batu Ferringgi – Jln Teluk Bahang- Jln Hassan Abbas. **Balik:** Jln Teluk Bahang – Jln Batu Ferringgi – Jln Tg Bungah – Straits Quay - Jln Tg Tokong – Jln Bagan Jermal – Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Perak - Jln Macalister – Jln Penang – Jln Ria (Komtar) – Jln Dato Keramat – Jln Ayer Itam – Jln Masjid Negeri ke LTAB Bayan Lepas

**Laluan/ *Route* 103**

**Pergi / Balik :** Komtar – Jln Penang – Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Kelawai – Jln Bagan Jermal – Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Sultan Ahmad Shah – Jln Larut – Jln Anson – Jln Macalister – Jln Penang – Jln Dr Lim Chwee Leong – Jln Magazine – Lbh Lintang (Komtar)

**Laluan/ *Route* 104**

**Pergi :** Terminal Bas Tg Bungah – Jln Lembah Permai – Lintang Lembah Permai 1 – Lrg Lembah Permai 3 – Jln Azyze – Jln Loh Poh Heng – Jln Sungai Kelian – Jln Tanjung Bungah - Jln Gajah – Jln Evergreen - Jln Fettes – Jln Mount Erskine – Pepper Estate – Jln Mount Erskine – Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Kelawai – Jln Bagan Jermal – Jln Burma (Midlands Park).**Balik :** Jln Burma (Midlands Park) – Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Kelawai – Jln Bagan Jermal – Jln Mount Erskine – Pepper Estate- Jln Fettes – Jln Evergreen – Jln Gajah – Jln Tg Bungah – Jln Sungai Kelian – Jln Loh Poh Heng – Jln Azyze – Lrg Lembah Permai 3 – Lintang Lembah Permai 1 – Jln Lembah Permai – Terminal Bas Tg Bungah

**Laluan/ *Route* 10**

**Pergi:** Pengkalan Weld – Jln Magazine – Lbh Lintang – Jln Ria (Komtar) – Jln Penang – Jln Burma – Jln Arratoon – Jln Larut – Jln Anson – Jln Perak - Jln Macalister – Jln Residensi – Jln Sepoy Lines – Jln Utama – Jln Gottlieb – Jln Bagan Jermal – Bulatan Persiaran Gurney – Jln Bagan Jermal – Jln Gottlieb – Jln Kebun Bunga. **Balik:** Jln Kebun Bunga – Jln Gottlieb – Jln Bagan Jermal – Bulatan Persiaran Gurney – Jln Bagan Jermal – Jln Gottlieb – Jln Utama – Jln Macalister – Jln Residensi – Jln Utama – Jln Dato Keramat – Jln Perak – Jln Macalister – Jln Anson – Jln Burma – Jln Arratoon – Jln Larut – Jln Anson – Jln Macalister – Jln Penang – Jln Dr Lim Chwee Leong – Gat Jln Prangin – Pengkalan Weld – Pesara King Edward

**Laluan/ *Route* 304**

**Pergi :** Dari Bayan Baru ke Jln Masjid Negeri – Jln Scotland – Jln Utama – Jln Macalister – Jln Residensi (Hospital P.Pinang) – Jln Utama – Jln Dato Keramat – Jln Penang – Jln Ria (Komtar) – Jln Penang - Jln Burma – Jln Pangkor – Jln Kelawai – Persiaran Gurney. **Balik** : Persiaran Gurney – Jln Bagan Jermal – Jln Burma - Lebuhraya Codrington – Jln Yeoh Guan Seok – Jln Cantonment – Jln Macalister – Lebuhraya Peel – Jln Perak – Jln Macalister – Jln Penang –Jln Dr Lim Chwee Leong – Jln Ria (Komtar) - Jln Dato Keramat – Jln Ayer Itam – Jln Masjid Negeri Ke Bayan Baru




Laluan / Route 103




Laluan / Route 104




Laluan / Route 10




Laluan / Route 304